

17 SEP 2003

Malaysia-sambutan/I

HARI KEBANGSAAN DISAMBUT MERIAH OLEH RAMAI RAKYAT MALAYSIA DI NEW YORK

Oleh: Manik Mehta

NEW YORK, 17 Sept (Bernama) -- Bersama para diplomat dari pelbagai negara yang menyertai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan kelompok masyarakat Malaysia di New York, Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Datuk Rastam Mohd Isa menyambut Hari Kebangsaan Malaysia di sini, semalam.

Rastam dan isteri, Datin Norizan Sulaiman telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu majlis khas di pejabat tetap Malaysia yang terletak di sebuah jalan yang sibuk di sini, berhampiran dengan bangunan PBB.

Perhimpunan antarabangsa itu nampak seperti sebuah majlis khusus yang menghidangkan masakan istimewa Malaysia di meja buffet, dan id dibuktikan melalui barisan panjang yang dibuat oleh para jemputan untuk menjamah pelbagai makanan yang disediakan untuk majlis itu.

Ramasi kalangan anggota masyarakat Malaysia yang hadir merasakan bahawa majlis itu menyediakan peluang terbaik kepada mereka untuk bertemu serta bertukar pandangan sesama sendiri.

Simma Mare, rakyat Malaysia yang bertugas untuk PBB berkata majlis itu merupakan peluang terbaik kepada beliau untuk menemui rakan-rakan senegara di bawah satu bumbung.

Menurutnya adalah sukar bagi beliau dan beberapa kerat rakyat Malaysia yang berkhidmat di PBB, untuk mendapat peluang bertemu dengan rakan-rakan senegara disebabkan tekanan kerja, jarak dan lain-lain faktor.

"Majlis-majlis sebegini membawa kita bersama. Saya sudah berada di sini selama kira-kira empat tahun dan saya akui, bukan mudah bagi saya untuk menemui lain-lain rakyat Malaysia di sini," katanya kepada Bernama.

Rastam, yang pertama kali menganjurkan majlis tersebut di New York, nampak bergaya dengan "baju Melayunya" semasa bersama-sama Konsul besar Malaysia di New York, Ahmad Shahizan Abd Samad serta isteri masing-masing mengalu-alukan kehadiran tetamu di muka pintu.

Duta Besar Malaysia ke Berne, Switzerland, Datuk Ismail Mustapha turut kelihatan pada majlis itu. Beliau berada di New York untuk mengikuti sesi perhimpunan agung.

Wakil-wakil dari pelbagai pejabat kerajaan di New York seperti MIDA, Matrade, Malaysian Tourism Promotion Board serta Bank Negara Malaysia, turut hadir pada majlis itu.

Antara topik yang menjadi perbualan ramai pada majlis itu berkisar kepada kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan tampil buat kali terakhir sebagai Perdana Menteri Malaysia di pejabat PBB minggu depan.

Dr Mahathir yang dijadualkan berundur dari jawatannya hujung bulan depan, akan berucap pada perhimpunan agung PBB pada 25 Sept ini nanti.

Amerika mempunyai banyak kepentingan di Malaysia, terutama dalam bidang industri dan pembangunan yang sedang rancak di Malaysia.

"Malaysia telah matang dan merupakan pemain utama dalam arena politik dunia. Saya pasti ramai penduduk di sini akan memantau perkembangan yang sedang berlaku di negara itu," kata seorang usahawan Amerika yang telah memulakan operasi perdagangan di Malaysia.

-- BERNAMA

MM AZZ AZH